

Anwar gesa semua pihak hormati konsensus PH

BH - 23/1/2020 wld: 7

Presiden PKR kekal sokong Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta semua pihak dalam Pakatan Harapan (PH) tidak membicarakan soal peralihan kuasa secara terbuka, sebaliknya menghormati konsensus yang disepakati pada Januari 2018.

Presiden PKR itu juga kekal dengan pendiriannya sebelum ini menyokong Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dalam mengemudi dan memperkuatkan ekonomi negara.

“Saya menggesa semua pihak dalam PH untuk tidak membicarakan soal peralihan kuasa secara terbuka dan menghormati konsensus yang disepakati pada Januari 2018.

“Saya memberi jaminan menyokong Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ikhtiar mengemudi negara terutama mengukuhkan ekonomi.

“PH dan Tun Dr Mahathir berulang kali menegaskan komitmen untuk menjayakan proses peralihan seperti yang dipersetujui. Maka sewajarnya kita turut menghormati keputusan terbabit supaya ia berlaku secara aman dan teratur,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, Penasihat DAP,

Lim Kit Siang, berkata pemimpin dan akar umbi PH perlu menghentikan obses mereka mengenai isu peralihan kuasa antara Dr Mahathir dan Anwar.

Beliau berkata, perkara harus diutamakan adalah menunaikan janji dibuat pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) kerana 2020 akan menjadi tahun penentuan untuk PH.


“Tidak dinafikan, antara janji penting PH adalah mengenai peralihan kuasa daripada Perdana Menteri ketujuh, Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Perdana Menteri kelapan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Jadi, perincian berhubung peralihan kuasa itu biarlah ditentukan oleh Majlis Presiden PH dan tidak perlu diadakan mesyuarat khas mengenai perkara terbabit,” katanya dalam kenyataan semalam.

Perincian berhubung peralihan kuasa itu biarlah ditentukan oleh Majlis Presiden PH dan tidak perlu diadakan mesyuarat khas mengenai perkara terbabit

Anwar Ibrahim, Presiden PKR

Ahli Parlimen Iskandar Puteri itu berkata, Anwar juga mengesakan semua pihak dalam PH supaya tidak membincangkan isu peralihan kuasa secara terang-terangan.



Keratan akhbar BH semalam.

Kenyataan Anwar dan Kit Siang itu dipercayai merujuk perang mulut dalam kalangan penyokong kedua-dua pemimpin terbabit.

Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, dalam kenyataan sebelum ini, mempersoalkan tindakan sege-lintir pemimpin dalam PH mengenai peralihan kuasa antara Dr Mahathir dan Anwar.

Ahli Parlimen Muar itu menyifatkan desakan supaya Dr Mahathir meletakkan jawatan sebagai tidak bertanggungjawab dan membelakangkan konsensus PH.

Bagaimanapun kenyataan Syed Saddiq itu dikesam Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, P Ramasamy, daripada DAP yang mahu beliau tidak mempersoalkan hak demokratik untuk meminta Dr Mahathir menyerahkan kepemimpinan negara kepada Anwar.

Selain itu, Naib Presiden PKR, Chang Lih Kang, menyangkal dakwaan Syed Saddiq kononnya pihak yang mendesak Dr Mahathir supaya berundur sebagai mengingkari persetujuan bersama dalam PH.

Katanya, walaupun Syed Saddiq bertegas mengenai konsensus PH, Menteri Belia dan Sukan itu tidak memberi reaksi apabila sesetengah pihak mendesak Dr Mahathir supaya berkhidmat sebagai Perdana Menteri sehingga habis penggal.

Berdasarkan konsensus PH, Dr Mahathir akan menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Anwar, namun tiada tarikh tertentu ditetapkan.